

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 9 OGOS 2021
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8

‘Henti kenyataan kelirukan rakyat’

Pasir Mas: Semua pihak diminta menghentikan sebarang kenyataan politik yang mengelirukan rakyat, sebaliknya terus memberi tumpuan kepada usaha mengangani COVID-19.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata justeru jika ada pihak yang mendakwa memiliki sokongan majoriti, ia bakal dibuktikan di Parlimen pada September depan.

“Kita mengambil maklum kenyataan pelbagai pihak yang menyebabkan rakyat keliru.

“Semuanya akan dibuktikan di Parlimen menerusi usul undi percaya terhadap Perdana Menteri nanti.

“Sudah tidak lama, hampir sebulan saja lagi. Ahli Parlimen akan menentukannya kelak. Makanya sementara itu, kita berharap semua pihak meredakan isu terbabit dan menghentikan sebarang kenyataan yang boleh mengelirukan rakyat.

“Yang penting, kita memastikan krisis kesihatan dan ekonomi dapat ditangani dengan baik,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan lawatan kerja di Projek Pelaksanaan Segera Runtuhan Tebing di Kampung Pohon Celagi, Pasir Mas, semalam.



Mustapa (dua dari kiri) meninjau Projek Pelaksanaan Segera Runtuhan Tebing di Kampung Pohon Celagi, Pasir Mas, semalam.

(Foto BERNAMA)

Mustapa yang juga Ahli Parlimen Jeli berkata, rakyat berharap kerajaan terus beri tumpuan menguruskan isu COVID-19.

“Kestabilan politik amat penting, Malaysia dikenali sebagai

negara yang menikmati kestabilan politik sejak ditubuhkan.

“Malah di dunia, Malaysia sering dikenali sebagai negara mempunyai kestabilan politik yang tidak dapat dipertikaikan.

“Maka, kita perlu mengembangkan kestabilan politik ini. Wakil rakyat dan rakyat akan memastikan kita memilih kerajaan yang terbaik untuk mentadbir negara,” katanya.